



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SESI 2020/2021 SEMESTER 1

KOD KURSUS

UHS1022 – FALSAFAH DAN ISU SEMASA

TAJUK TUGASAN

INDUSTRI SENI PERFILEMAN MEMBAWA PENGARUH NEGATIF

KUMPULAN 8 (SEKSYEN 78)

NAMA PENSYARAH: DR. NURAZMALLAIL BIN MARNI

NO	NAMA PELAJAR	NO. MATRIK
1.	AHMAD NAZRAN BIN YUSRI	A20EC0179
2.	NUR HANNAN BINTI JAMALUDIN	A20EC0222
3.	SYAMIMI AMIRAH BINTI ZAMROS	A20EC0226
4.	MUHAMMAD SYAZWAN BIN SAHDAN	A20EC0217
5.	MUHAMMAD AMIRUDDIN BIN ZULKIFLI	A20EC0208
6.	RADIN NAZHAN BIN RADIN JAMZULKOMAR	A20EC0136

Abstrak

Kebelakangan ini, penayangan filem di Malaysia hasil terbitan tempatan mahupun luar negara semakin meluas melalui pelbagai platform media. Merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS), penonton semua filem asing dan tempatan di pawagam mencecah 56.9 juta tontonan pada tahun 2012 dan meningkat kepada 77.78 juta tontonan pada tahun 2019 [1]. Peningkatan jumlah tontonan dalam masa tujuh tahun ini menunjukkan industri perfileman semakin mendapat tempat di negara kita. Namun, pada masa kini, terdapat lambakan filem pelbagai genre yang boleh diakses oleh pengguna secara percuma melalui media atas talian. Hal ini amat membimbangkan kerana dikhuatiri filem-filem tersebut tidak ditapis dan tidak sesuai untuk tontonan rakyat Malaysia. Justeru, perkara ini sedikit sebanyak menyebabkan pelbagai pengaruh negatif meresap ke dalam diri penonton khususnya generasi muda. Penulisan ini akan membincangkan dapatan daripada kajian mengenai industri seni perfileman membawa pengaruh negatif serta mengaitkannya dengan falsafah.

Pendahuluan

Televisyen merupakan antara platform utama yang mempengaruhi budaya yang meresap dalam kehidupan seharian seseorang individu. Kebanyakan kanak-kanak lebih banyak terdedah kepada skrin peranti elektronik berbanding dengan buku [2]. Bagi golongan yang lebih berusia, televisyen merupakan peneman pada waktu lapang apabila manusia lain seperti ahli keluarga atau rakan-rakan tidak mampu untuk menjadi peneman. Hal ini demikian kerana seorang pesara contohnya, mempunyai lebih masa berbanding dengan seorang pekerja. Maka, masa yang ada diisi dengan perbuatan menonton televisyen dan seumpamanya kerana ianya dapat mengelakkan kebosanan.

Filem adalah satu media yang popular di negara ini. Pada awalnya, industri filem tidak berkembang sebagai satu industri yang besar. Industri filem Melayu mula menampakkan tanda perkembangan pada tahun 1960-an. Di Malaysia, industri filem diimport dari Hollywood, Hong Kong, India, Indonesia dan negara-negara lain. Buktinya pada zaman 70-an, setiap tahun lebih kurang 2000 buah filem telah diimport ke negara ini. Perkara yang membimbangkan pada abad ini ialah, terdapat lambakan filem pelbagai genre yang boleh mempengaruhi penonton ke arah negatif khususnya golongan remaja.

Perubahan yang berlaku dalam diri seseorang sedikit sebanyak berpunca daripada pengaruh filem yang ditonton. Jalan cerita yang dipaparkan dalam sesebuah filem berpotensi untuk dijadikan contoh bagi sesetengah individu jika sesuatu perkara itu dianggap wajar untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian [3]. Tidak dapat dinafikan bahawa filem bukanlah pengaruh utama terhadap sifat atau perilaku seseorang. Namun, akses tanpa had kepada filem yang tidak ditapis semakin banyak di pelbagai media menyebabkan pelbagai implikasi terhadap perkembangan minda individu. Cara seseorang menginterpretasikan sesebuah jalan cerita dalam filem merupakan faktor utama yang meracuni akhlak atau peribadi penonton. Justeru, pemilihan filem dan gaya pemikiran seseorang itu yang menentukan input yang diterima adalah baik atau sebaliknya.

Hubungan antara industri perfileman dengan falsafah

Berdasarkan kamus dewan edisi keempat, falsafah ialah pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain. Falsafah boleh dibahagikan kepada tiga cabang utama iaitu falsafah teoretikal, falsafah praktikal dan falsafah baharu. Falsafah teoretikal adalah falsafah yang merujuk kepada persoalan-persoalan dasar yang memerlukan satu usaha intelektual yang mendalam untuk menjawabnya.

Falsafah teoretikal merangkumi bidang pengkhususan metafizik, psikologi, epistemologi dan estetika. Menurut kamus dewan edisi keempat, estetika ialah cabang falsafah yang mengkaji konsep yang berkaitan dengan keindahan, citarasa dan lain-lain. Sebagai cabang ilmu dan falsafah, estetika sering disamakan dengan teori seni, kritik seni dan falsafah keindahan. Estetika juga disebut sebagai teori keindahan [4].

Falsafah estetika berkait rapat dengan kepekaan terhadap kesenian dan keindahan. Keindahan dalam erti kata estetika meliputi persoalan keindahan seni, alam, moral dan intelektual. Biasanya, falsafah estetika mempersoalkan tahap kritis dalam menggambarkan, menafsirkan dan menilai pengalaman seni. Apakah itu seni? Apakah teori-teori seni? Apakah keindahan dan teori tentang keindahan? Apakah keindahan itu objektif atau subjektif? Kesemua ini adalah persoalan yang sering dikaitkan dengan falsafah estetika [5].

Aksiologi merupakan sains yang meneliti bagaimana manusia menentukan nilai bagi perkara yang berbeza, iaitu bagaimana individu membandingkan dan menentukan kepentingan

perkara tertentu. Apakah yang indah? Apakah seni? Apakah fungsi seni? Apakah piawaian yang harus digunakan dalam mentafsirkan hasil seni? Beberapa persoalan ini sering menjadi perhatian aksiologi.

Estetik melibatkan masalah konseptual yang berkaitan dengan penjelasan tentang saling hubungan dalam kalangan perasaan dan deria dalam hal yang membabitkan pengalaman tentang seni dan alam semula jadi. Estetik membabitkan hakikat atau sifat dasar seni, termasuk seni persembahan, seni lukis, seni ukir dan literatur. Seni perfileman merangkumi inkuiri tentang perasaan, pertimbangan atau piawaian yang melibatkan hakikat keindahan dan konsep yang berkaitan seperti tragik, menakjubkan, mengagumkan, mengharukan dan menyentuh perasaan, khususnya dalam bidang seni [3]. Menurut kamus Dewan edisi keempat, seni ialah karya (sajak, lukisan, muzik dan lain-lain) yang dicipta dengan bakat (kecekapan), hasil daripada sesuatu ciptaan.

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) kini telah diubah menjadi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, merupakan dasar pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia. Intipati di dalam falsafah ini adalah untuk melahirkan individu yang menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Melalui FPN sendiri, kita boleh melihat bahawa negara kita menginginkan setiap individu yang seimbang dari segala aspek. Jasmani setiap individu dikehendaki mengembangkan bakat dan kemahiran teknikal, manipulatif dan sosial. Sebagai contoh, sebuah filem yang terhasil menonjolkan isu buli di sekolah secara keseluruhan namun tidak memberikan pengajaran positif yang mampu membuat penonton benci akan perbuatan tersebut. Perkara ini akan membuatkan pelajar-pelajar cenderung untuk mencuba perbuatan keji ini terhadap rakan mereka. Kesannya, perkembangan sosial pelajar menjadi terhad dan tidak memberi manfaat kepada masyarakat.

Setiap hasil seni itu terkandung emosi yang berbeza dan perkara ini bergantung kepada setiap individu untuk mentafsirkan maksud-maksud seni itu. Emosi adalah satu ciri manusia yang mempamerkan perasaan kuat yang berpunca dari segi psikologi (mental) seseorang kerana emosi dapat berlaku secara naluri bergantung kepada situasi. Jenis-jenis emosi adalah takut, gembira, suka, tenang, pilu, bimbang, sedih dan marah. Emosi seseorang boleh terganggu apabila menonton filem dan perkara ini juga dapat mempengaruhi tingkah lakunya. Justeru, emosi sangat penting bagi membantu kelangsungan hidup.

Pengukuhan aspek kerohanian juga penting bagi sesebuah filem tetapi genre kerohanian tidak diketengahkan secara meluas. Filem *Khurafat: Perjanjian Syaitan* mempamerkan kesan buruk apabila melakukan aktiviti syirik yang bercanggah dengan agama Islam. Namun, filem ini lebih menimbulkan adegan-adegan seram berbanding aspek kerohanian. Filem bergenre kerohanian patut diperbanyakkan lagi bagi memansuhkan aktiviti syirik yang masih berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Intellectual merangkumi daya berfikir, daya kreatif, and daya usaha bagi meneroka alam semesta. Sesebuah filem perlulah menimbulkan ilmu yang berguna bagi membolehkan akal manusia berfikir tentang natijah dan kesan ilmu tersebut. Contohnya, elemen sains diambil sebagai salah satu adegan di dalam filem boleh menyebarkan ilmu sains yang ramai tidak ambil tahu dan menganggap ianya tidak penting. Pengisian ilmu yang terkawal dan diselia dengan baik dapat mengolah potensi seseorang.

Rukun negara mengandungi garis panduan bagi rakyat Malaysia bagi membentuk negara yang aman meskipun masyarakat di negara kita berbilang kaum. Keluhuran perlembagaan adalah rukun negara yang ketiga dan ia dicipta bagi melahirkan masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama-sama secara adil dan saksama. Agama Islam dijadikan agama rasmi negara Malaysia namun masyarakat bebas memilih agama mereka sendiri. Perkara ini menunjukkan Malaysia tidak mengehadkan kebebasan beragama kepada semua masyarakat tanpa mengira kaum. Perkara ini diperlukan bagi menjaga sensitiviti setiap kaum dan agama bagi menghasilkan perpaduan yang lebih erat dalam kalangan masyarakat.

Perkara yang mengecewakan adalah apabila terdapat individu yang alpa terhadap perkara ini dan telah menghasilkan sebuah filem yang dapat mengundang kehancuran perpaduan masyarakat. Filem bertajuk '*Babi*' mengandungi perkataan '*Melayu Bodoh*', '*India Keling*' dan '*Cina Babi*' boleh menimbulkan isu perpaduan antara kaum. Filem tersebut juga mengisahkan tentang kejadian sebenar keganasan dan rusuhan kaum di sebuah sekolah menengah yang terletak di selatan Malaysia pada tahun 2000 [9]. Namun, filem ini tidak akan ditayangkan di Malaysia dan hanya ditayangkan di beberapa pawagam di negara Taiwan sahaja.

Filem berunsur perkauman yang ditayangkan di luar negara itu telah mencalarakan imej Malaysia di negara luar. Isu perkauman adalah salah satu isu yang sensitif bagi negara Malaysia yang berbilang kaum dan perkara ini tidak seharusnya ditimbulkan kerana setiap bangsa di negara

kita saling menghormati antara satu sama lain. Isu seperti ini boleh menyebabkan kebangkitan semula peristiwa 13 Mei pada tahun 1969 di mana rusuhan kaum dan masalah perpaduan di Malaysia memuncak.

Punca filem membawa unsur negatif

Pertama sekali, perkembangan teknologi yang semakin pesat ini menyebabkan banyak filem yang tidak ditapis oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) disiarkan di atas talian sama ada di laman sesawang mahupun aplikasi penstriman. Dengan kemudahan internet ini, semua filem berada di hujung jari sahaja dan dapat diakses pada bila-bila masa serta dapat memilih apa-apa genre yang ingin ditonton termasuklah filem percintaan, komedi gelap dan filem orang dewasa. Filem-filem yang berada di atas talian ini boleh ditonton oleh semua peringkat umur menyebabkan filem yang sepatutnya ditonton oleh penonton berumur 18 tahun ke atas dapat ditonton oleh kanak-kanak. Hal ini berlaku kerana kebanyakan laman sesawang dan aplikasi penstriman tidak mengehadkan sebarang umur untuk melayarinya. Kesannya, ia boleh meningkatkan ketagihan seseorang individu itu khususnya golongan remaja terhadap filem lucah dan sebagainya. Misalnya, filem *Fifty Shades of Grey* arahan Sam Taylor-Johnson yang disiarkan pada tahun 2015 mempunyai banyak unsur percintaan, romantik yang berlebih-lebihan dan juga intimasi antara pasangan. Filem ini pada asalnya ditayangkan untuk penonton berumur 18 tahun ke atas, tetapi apabila sudah berada di atas talian, semua peringkat umur boleh menontonnya dan hal inilah yang menjadi punca kepada pengaruh negatif dalam filem.

Seterusnya, kurang rasa tanggungjawab dalam diri individu dalam memilih filem yang ingin ditonton. Setiap individu haruslah memilih filem yang bersesuaian dengannya mengikut peringkat umur dan kandungan yang ditayangkan di dalam filem itu. Seseorang itu haruslah mengambil langkah yang baik dengan mendengar ulasan filem oleh pengkritik filem di aplikasi seperti YouTube dan membaca dahulu sinopsis filem itu sebelum menontonnya agar tidak terpengaruh dengan kandungan-kandungan buruk dan negatif yang dipertontonkan di dalam filem tersebut. Individu itu sendiri haruslah menonton filem itu dengan niat hanya sebagai hiburan serta untuk menghilangkan tekanan dan bukannya untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Ibu bapa juga haruslah memainkan peranan dengan memantau apakah jenis filem yang ditonton oleh anak mereka agar bersesuaian dan bermanfaat bagi mereka. Intihanya, individu dan ibu bapa itu sendiri harus memainkan peranan agar tidak terpengaruh dengan filem negatif.

Di samping itu, penonton-penonton terpengaruh dengan adegan-adegan yang dapat ditonton di dalam filem. Dalam era modenisasi ini, filem tempatan kita banyak memandang ke arah barat dan juga menerapkan unsur-unsur dari filem barat. Kesannya, budaya dan cara hidup mereka dibawa masuk ke dalam filem tempatan kita sekaligus menunjukkan perkara-perkara yang negatif. Babak-babak negatif seperti pergaduhan, pengambilan dadah dan pengamalan sosial secara bebas ini secara tidak langsung boleh mempengaruhi pemikiran dan gaya hidup kita. Contohnya, filem KL Gangster arahan Syamsul Yusof yang disiarkan pada tahun 2011 menayangkan pelbagai babak negatif antaranya pergaduhan, pembunuhan dan juga pengamalan sosial tanpa batas. Implikasinya, remaja dan masyarakat kini makin luntur dalam aspek akhlak, moral serta pegangan kepada prinsip agama mereka kerana terlalu banyak melihat filem-filem yang mempunyai unsur negatif seperti ini.

Selain itu, penonton itu sendiri merasakan keganasan yang ditonton di dalam filem itu adalah cara yang sesuai untuk menyelesaikan masalah pada kehidupan seharian. Kebanyakan filem bermula dengan watak utama mempunyai masalah, hal ataupun misi yang perlu diselesaikannya dan salah satu cara untuk menyelesaikannya adalah dengan menggunakan keganasan. Sebagai contoh, filem Juvana arahan Faisal Ishak yang disiarkan pada tahun 2013 ada menonjolkan seorang watak yang bernama Lan Todak, yang memasuki sekolah pemulihan Wira Bakti kerana mahu membalas dendam kepada pelajar Wira Bakti atas kematian adiknya. Dalam babak tersebut, kita dapat lihat pelbagai aksi keganasan dan unsur gengsterisme yang digunakan untuk menunaikan hasrat Lan Todak ini. Perkara ini secara tidak langsung mempengaruhi pemikiran golongan remaja dan pelajar-pelajar di negara ini. Bukan itu sahaja, tidak boleh dinafikan bahawa pengaruh buruk filem ini juga menyumbang kepada kadar kes buli di institusi pendidikan sama ada sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah berasrama mahupun universiti.

Akhir sekali, antara punca wujudnya unsur negatif dalam sesebuah filem adalah kerana tujuan utama pengarah yang ingin memberi pengajaran kepada masyarakat. Kebanyakan filem yang dihasilkan sudah tentu mengandungi tujuan dan pengajaran yang ingin disampaikan. Bagi menarik minat penonton, semestinya penceritaan sesebuah filem mengandungi adegan-adegan negatif yang akhirnya akan dikaitkan dengan pengajaran yang tersendiri. Sebagai contoh, sebuah filem ingin menyampaikan mesej tentang keburukan pengambilan dadah. Oleh itu, penceritaan filem tersebut akan memaparkan imej remaja yang mempunyai masalah atau tekanan perasaan

yang mengambil dadah sebagai alternatif untuk mendapatkan ketenangan yang akhirnya lebih mengeruhkan keadaan remaja tersebut. Namun, hasil penceritaan yang kurang jelas boleh menyebabkan penonton menyalahafsirkan penyampaian filem tersebut dan boleh mempengaruhi remaja untuk menggunakan cara yang salah untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Kesan unsur negatif dalam filem

Individu

Sesetengah filem berpotensi untuk mempengaruhi penonton untuk melakukan keganasan. Adegan-adegan yang mempunyai unsur gangsterisme dan keganasan akan memberi impak kepada sesiapa yang melihatnya terutamanya kanak-kanak. Hal ini kerana kanak-kanak mudah terpengaruh dengan apa-apa yang ditonton oleh mereka. Tambahan pula, mereka tidak dapat membezakan antara yang baik atau yang buruk, dan hanya belajar berdasarkan penglihatan, pendengaran dan sentuhan. Sebagai contoh, filem KL Gangster yang ditonton tanpa bimbingan orang yang lebih dewasa akan mempengaruhi seseorang dengan aksi-aksi yang ditunjukkan di dalam filem tersebut. Babak filem seperti bergaduh, penggunaan bahasa kesat dan memukul dengan alatan dapat melatih jiwa seseorang ke arah personaliti yang buruk. Oleh yang demikian, seseorang akan terikut-ikut dengan tindakan tersebut dan kemudiannya menjadi lebih agresif apabila sesuatu perkara tidak mengikut kehendaknya. Kesan yang boleh dilihat ialah kes buli di kalangan remaja di sekolah terutamanya di sekolah berasrama.

Filem yang mempunyai elemen-elemen kejam akan memberi kesan kepada kesihatan mental dan juga emosi kepada penonton. Sesetengah manusia mempunyai tahap ketakutan yang melampau terhadap sesuatu perkara atau dalam bahasa saintifiknya ialah fobia. Mereka yang mempunyai fobia terhadap perkara kejam atau darah akan merasakan impak yang besar apabila menonton filem yang mempunyai unsur tersebut. Filem Saw yang dikeluarkan pada tahun 2004 adalah berteraskan kekejaman dan seram. Kebanyakan babak di dalam filem tersebut amat ngeri seperti babak penyeksaan fizikal dan mental. Individu yang terdedah kepada perkara tersebut berpotensi untuk mengalami kemurungan dan menjadikan emosinya tidak stabil. Hal ini boleh mencetuskan sesuatu yang tidak diinginkan kerana individu yang mempunyai gangguan mental cenderung untuk melakukan sesuatu diluar kawalan dirinya yang berkemungkinan membawa kesan buruk kepada individu tersebut atau orang di sekelilingnya.

Menurut bekas perdana menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, lambakan cerita hantu yang ditayangkan di televisyen dan menerusi filem ketika ini boleh menggalakkan kepercayaan karut yang tidak membantu membina masyarakat berproduktif, termasuk menyelesaikan masalah dengan pendekatan saintifik. Maka, filem bertemakan fiksyen atau fantasi boleh mempengaruhi pandangan atau persepsi mengenai kehidupan sebenar kepada orang tertentu. Hal yang demikian akan menjadikan seseorang itu terperdaya dengan perkara yang tidak sepatutnya seperti ilmu hitam. Filem bergenre seram arahan Syamsul Yusof iaitu *Munafik 2*, mempunyai unsur-unsur supernatural atau kehadiran entiti selain manusia dan binatang. Selain itu, filem tersebut juga mempunyai adegan penyembahan syaitan yang dikategorikan salah di sisi agama dan ianya boleh mempengaruhi seseorang jika tidak mengambil iktibar dan pengajaran daripada filem tersebut. Kesannya, seseorang itu akan melakukan perkara karut dan boleh dikategorikan sebagai khurafat dalam perspektif agama Islam seperti pemujaan berhala dan pengamalan ilmu hitam.

Keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja semakin berleluasa akibat pendedahan kepada pengaruh negatif yang disiarkan di kebanyakan filem. Pergaulan bebas dan kemaksiatan yang kian berleluasa sedikit sebanyak berpunca daripada pendedahan kepada pengaruh negatif yang disiarkan di dalam filem. Misalnya, filem *V3: Samseng Jalanan* dan filem *Bohsia* memperlihatkan suasana pergaulan bebas di samping memaparkan adegan perlumbaan haram. Filem-filem tersebut terutamanya, sering memaparkan gaya hidup yang bertentangan dengan syariat agama. Pergaulan bebas yang kerap ditunjukkan akan perlahan-lahan diikuti terutamanya golongan remaja. Lama-kelamaan, ini akan membawa kepada masalah sosial dalam diri.

Keluarga

Elemen-elemen negatif yang ditonjolkan dalam filem boleh menyebabkan hilangnya kepercayaan antara ahli keluarga. Adegan penipuan, pencurian dan pengkhianatan di dalam filem boleh melatih individu untuk mempraktikkannya ke dalam kehidupan seharian kerana ianya dipercayai dapat membawa manfaat kepada diri sendiri. Antara filem yang menonjolkan aktiviti pencurian ialah filem *Fast Five* manakala filem '*300*' pula menyelitkan adegan pengkhianatan. Kedua-dua motif adegan tersebut adalah demi mencapai kesenangan hidup dengan cara yang salah dan ini menyebabkan kebanyakan orang boleh terpengaruh dengan pembawaan adegan tersebut kerana kelihatan seperti bukan satu kesalahan yang besar. Oleh sebab itu, seseorang mungkin akan

melakukan perbuatan terkutuk yang boleh menggugat kepercayaan ahli keluarga seperti mencuri duit ahli keluarga untuk kegunaan peribadi atau kepuasan diri seperti membeli dadah.

Selain itu, pergaduhan dan perselisihan faham antara ahli keluarga akan kerap berlaku disebabkan oleh ideologi yang ditunjukkan di dalam filem telah digunakan di dalam kehidupan seharian. Fahaman-fahaman yang salah tersebut akan melatih minda untuk mengutamakan kehendak sendiri dengan mengabaikan tuntutan agama. Dengan ini, seseorang akan terdedah kepada sifat mazmumah seperti ego yang melampau yang boleh menggoyahkan hubungan kekeluargaan.

Penglibatan dalam kegiatan buruk seperti buli dan pergaulan bebas akibat terpengaruh dengan adegan filem boleh menjatuhkan nama baik keluarga. Hal ini demikian kerana masyarakat menganggap bahawa ahli keluarga terutamanya ibu dan bapa, tidak mahir dalam mendidik anak-anak mengenai akhlak dan keperibadian. Seterusnya, perkara ini akan menjejaskan kehidupan seharian keluarga tersebut kerana perspektif buruk masyarakat terhadap keluarga tersebut. Contohnya, seseorang individu dalam sebuah keluarga terlibat dalam kes kecurian di kampung. Oleh sebab itu, semua penduduk kampung berkata buruk tentang seluruh ahli keluarga itu serta menjauhkan diri daripada mereka kerana dikhuatiri mereka akan terpengaruh dengan perbuatan buruk tersebut.

Masyarakat

Kehidupan seharian orang barat yang begitu banyak ditonjolkan dalam drama bersiri akan memberi pandangan bahawa budaya yang dibawa oleh mereka adalah sesuatu yang normal dan tidak salah seperti memakai pakaian yang tidak sopan dan memeluk seseorang yang berlainan jantina dan bukan mahram. Disebabkan itu, pemakaian, gaya dan fesyen masyarakat akan menjadi lebih terbuka dan menjolok mata kerana terpengaruh dengan budaya barat yang telah dipamerkan.

Sikap hormat-menghormati akan berkurang dalam kalangan masyarakat dan keruntuhan moral akan menyebabkan keharmonian masyarakat tergugat. Hal ini terjadi kerana mereka yang terdedah dengan sikap tidak sopan, terutamanya daripada adegan gengsterisme di dalam filem menjadikan mereka sedemikian. Filem KL Gangster memaparkan kehidupan dan keperibadian gengster yang tidak beradab boleh menjadi punca kepada masyarakat tidak beretika kerana mereka menganggap ianya sebagai sesuatu perkara yang hebat dan digeruni orang ramai. Tutur kata,

kesedaran sivik dan etika tidak dijaga sepenuhnya. Impaknya, masyarakat akan menjadi tidak beradab dan boleh meruntuhkan imej sesuatu bangsa di mata bangsa atau masyarakat lain.

Negara

Filem yang menyelitkan adegan korupsi dan rasuah di dalam pentadbiran akan melahirkan sentimen yang menganggap bahawa pentadbir negara tersebut tidak menjalankan amanah yang diberikan dengan sebaiknya. Hal ini demikian akan mempengaruhi minda masyarakat untuk tidak mempercayai sistem pentadbiran yang terdapat di dalam negara. Oleh itu, reputasi negara menjadi buruk kerana hilangnya kepercayaan rakyat berpunca daripada pengaruh filem yang membawa unsur tersebut.

Masyarakat yang terpengaruh dengan keganasan yang dipamerkan di dalam filem akan cenderung untuk mempraktikkannya ke dalam kehidupan sebenar. Filem barat berjudul 'The Purge' mempunyai aspek penjatuhan sesuatu pentadbiran melalui pembunuhan besar-besaran. Adegan tersebut memberi impak yang besar kerana penceritaannya yang logik dapat mempengaruhi pemikiran seseorang. Segelintir penonton merasakan perkara sebegitu munasabah untuk dilaksanakan. Kesannya, masyarakat akan bertindak ganas dan agresif dengan menjatuhkan kerajaan jika berasa tidak puas hati dengan pentadbiran yang sedia ada. Perkara tersebut akan menggugat keamanan dan keharmonian negara kerana jalan penyelesaian dengan kaedah ini akan mendatangkan kerosakan dan rugi yang besar di samping mempunyai risiko yang tinggi untuk kehilangan nyawa yang banyak.

Negara yang tidak aman akan mengganggu perkembangan ekonomi negara kerana fokus negara akan lebih banyak tertumpu kepada mengembalikan keamanan. Aktiviti tunjuk perasaan dan demonstrasi jalanan akan membawa kekecohan dan kerosakan yang seterusnya akan memberi kesan kepada pandangan negara luar kepada negara tersebut. Hal ini akan menyebabkan negara tersebut kehilangan pelabur asing kerana mereka lebih berminat untuk memilih negara yang aman dan mempunyai ekonomi yang stabil untuk melabur. Selain itu, pekerjaan harian seperti perniagaan juga tidak dapat dijalankan seperti biasa akibat keharmonian negara yang kucar-kacir. Kesannya, ekonomi negara akan merosot dan kemajuan negara sukar dicapai.

Cadangan Cara menangani isu

Individu

Antara inisiatif yang boleh dilakukan oleh individu adalah dengan berfikir secara rasional. Setiap individu telah dididik daripada kecil lagi tentang membezakan antara perkara yang buruk dan yang baik tanpa mengambil kira didikan tersebut datang daripada ibu bapa mereka mahupun guru mereka. Tambahan pula, setiap agama sudah tentu mengajar penganutnya tentang perkara-perkara yang dibenarkan dan dilarang untuk dilakukan. Oleh itu, kita sebagai manusia yang diberi akal fikiran yang waras oleh tuhan mestilah memanfaatkannya dengan sebaik mungkin. Sebelum kita berhasrat untuk menonton sesuatu filem, kita perlu melakukan sedikit pembacaan di internet tentang filem yang ingin ditonton. Jika didapati terdapat lebih komen negatif daripada positif, kita seharusnya menghindarkan diri daripada menonton filem tersebut. Usaha ini sedikit sebanyak membantu dalam membuat pilihan yang lebih tepat semasa memilih filem yang ingin ditonton.

Inisiatif lain yang boleh diambil oleh individu adalah dengan tidak mempraktikkan perkara negatif dalam diri mereka. Perkara negatif seperti menonton bahan lucah mempunyai potensi untuk meningkatkan lagi keinginan individu tersebut untuk memilih filem yang berada di bawah kategori yang sama. Mereka akan lebih cenderung untuk menonton filem bergenre sebegini kerana telah hanyut dalam dunia lucah mereka. Oleh itu, kita mestilah mempunyai sifat bertanggungjawab kepada diri kita dengan mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara negatif yang mampu untuk mendatangkan kemudaratan kepada diri kita sendiri. Pemilihan filem amat dipengaruhi oleh gaya hidup kita. Justeru itu, wajarlah seseorang itu memperbetulkan kelakuan diri sebelum bertindak untuk memilih apa-apa tontonan yang ingin ditonton.

Masyarakat

Masyarakat juga memainkan peranan yang amat penting dalam mengekang perkara-perkara negatif hasil daripada filem-filem yang ditonton. Sebagai contoh, ibu bapa adalah antara individu terdekat dengan seorang anak. Segala kelakuan anak ialah cerminan ibu bapanya. Antara usaha yang boleh diambil oleh mereka adalah dengan memantau aktiviti anak-anak di dalam gajet mereka. Hal ini demikian kerana anak-anak zaman sekarang mempunyai telefon pintar mereka yang tersendiri. Oleh itu, kebarangkalian untuk mereka melayari ataupun menonton video dan filem yang negatif adalah sangat tinggi. Ibu bapa boleh menghadkan waktu anak mereka menggunakan gajet seperti terhad kepada tiga ke empat jam sahaja sehari. Dengan ini, anak-anak

akan menggunakan gajet mereka hanya untuk perkara yang berfaedah sahaja. Seterusnya, usaha lain yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah dengan memeriksa hasil-hasil pencarian mereka di laman sesawang bagi memastikan anak mereka tidak melakukan pencarian-pencarian yang tidak sepatutnya di internet.

Di sekolah pula, rakan-rakan adalah antara individu terdekat yang ada pada seseorang pelajar. Oleh itu, setiap rakan mestilah mempunyai sifat prihatin antara satu sama lain dengan cara menegur sapa antara rakan sekelas. Hal ni dapat memastikan pelajar lebih banyak berkomunikasi antara satu sama lain kerana perbuatan sebegini mampu mengurangkan kes buli di sekolah. Seorang murid yang pendiam lebih cenderung untuk dijadikan mangsa buli kerana sifat mereka yang tidak melawan apabila dipukul atau dikhianati. Setiap rakan perlulah mengambil berat terhadap rakannya yang lain agar perkara sebegini dapat dibendung.

Kerajaan

Usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan adalah dengan menapis filem-filem tempatan dan juga luar negara sebelum dibenarkan untuk ditayangkan kepada umum. Dalam hal ini, LPF bertanggungjawab dalam menapis filem-filem tersebut. Terdapat pelbagai aspek yang perlu diambil kira dalam penapisan filem tersebut. Antaranya contoh perkara yang perlu ditapis ialah unsur LGBT dan unsur keganasan. Unsur-unsur negatif ini jelas mempamerkan perkara yang tidak seharusnya dipraktikkan oleh mana-mana individu kerana ia mampu untuk membawa kepada keruntuhan akhlak seseorang individu. Oleh itu, LPF perlu lebih teliti dalam menilai filem-filem ini sebelum dibenarkan untuk ditayangkan kepada umum.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlulah memainkan peranan mereka dalam menangani isu ini seperti kes-kes buli yang berlaku di sekolah. Kebanyakan kes seperti ini terjadi akibat pelakunya sering melihat adegan keganasan pada filem yang ditonton. Mereka cuba untuk meniru perbuatan tersebut kerana menganggap ianya adalah satu kepuasan bagi mereka. KPM melalui pengurusan sekolah boleh mendenda pelaku tersebut seperti menggantung sesi persekolahan mereka. Pihak pengurusan sekolah juga boleh menghantar pembuli-pembuli ini kepada kaunselor sekolah untuk menjalani sesi kaunseling.

Kesimpulan

Jika kita renungkan dengan baik setelah lebih 60 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, sejauh manakah nilai kemerdekaan yang kita kecapai? Apakah ia mempunyai matlamat juang yang sama seperti yang ditanamkan dalam hati nenek moyang kita? Gugur dan luluh hati pejuang-pejuang negara dahulu sekiranya mereka ketahui nasib anak bangsa Malaysia ini yang berpaksikan perbuatan negatif yang membawa kepada kemudaratannya. Seperti yang telah diperjelaskan, pengaruh filem yang beritinkan unsur negatif seperti isu jenayah, kemaksiatan dan buli tidak seharusnya dipandang ringan. Golongan remaja merupakan tulang belakang bagi negara kita. Masa depan negara terletak dalam tangan mereka kerana mereka jualah menjadi elemen utama dalam pembentukan negara Malaysia yang citra jaya. Globalisasi budaya hidup yang bercorak hedonisme mampu merobek benteng jati diri dalam masyarakat [24]. Maka segala pengaruh luar yang dapat membinasakan jati diri anak bangsa perlulah segera dihapuskan.

Usaha dekolonisasi perlu segera diperkuatkan agar dapat membendung anasir-anasir luar dari meracuni hati anak bangsa di Malaysia. Namun perlu ditegaskan bahawa sikap tuding-menuding jari tidak dapat menyelesaikan sebarang masalah. Setiap pihak sewajarnya bertanggungjawab dalam membendung industri perfileman dari membawa sebarang impak negatif kepada masyarakat dan golongan remaja terutamanya. Pihak pengusaha filem sewajarnya mempunyai nilai sensitiviti dalam hati mereka supaya mereka lebih cakna dalam menapis segala mesej atau maklumat yang negatif dari terus dibajai menjadi tatapan anak bangsa kelak. Setiap individu itu sendiri juga mempunyai tanggungjawab yang besar di mana mereka perlu sedar dan melaksanakan tanggungjawab mereka dalam membanteras segala permasalahan sosial dengan lebih baik. Maka perlulah kita mengamalkan nilai-nilai islam dalam kehidupan seperti prinsip ‘amar makruf nahi mungkar’ iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran seperti yang diseru kepada manusia oleh Tuhan sekalian alam, Allah S.W.T.

Rujukan

- [1] <https://www.finas.gov.my/en/industry-information/importation-of-films/>
- [2] George Gerbner, Larry Gross. 1979. *Living with the television: The Violence Profile*. Dlm. Horace Newcombe (pnyt.). *Television: The Critical View*. Edisi ke-2. New York: Oxford University Press. http://web.mit.edu/21l.432/www/readings/Gerbner_Gross_LivingWithTelevision_ViolenceProfile.pdf
- [3] Bjarne M.Holmes dan Kimberly R. Johnson. 2009. *Where Fantasy Meets Reality: Media Exposure, Relationships Beliefs and Standards, And The Moderating Effect Of A Current Relationship*. Dlm. Ellen P. Lamont (pnyt.). *Social Psychology: New Research*. New York: Nova Science Publishers, Inc.

<https://www.yumpu.com/en/document/read/4749969/where-fantasy-meets-reality-family-and-personal-relationships->

- [4] Hermeneutika, Estetika, dan Religiusitas: Esai-Esai Sastra Sufistik dan Seni Rupa, Abdul Hadi W.M., April 2016(1)
https://books.google.com.my/books?id=TJFZDwAAQBAJ&pg=PA219&dq=estetika+dan+seni&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwifLqO5_ztAhXvFbcAHe-iBgIQ6AEwAHoECAMQAg#v=onepage&q=estetika%20dan%20seni&f=false
- [5] Modul falsafah dan isu semasa, Nov 2020, Noor Hisham Md Nawi(2)
<https://books.google.com.my/books?id=t9gLEAAAQBAJ&pg=PT18&dq=falsafah+estetika+dan+seni&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwjdy6j26vztAhWglbcAHRWGGDDYQ6AEwAXoECAQQAg#v=onepage&q=falsafah%20estetika%20dan%20seni&f=false>
- [6] Nilai dan etika dalam Pendidikan matematik, 2008, Nik Azis Nik Pa
<https://books.google.com.my/books?id=1i7tDwAAQBAJ&pg=PA67&dq=falsafah+estetika+dan+seni&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwjQic6A1P3tAhVGXSsKHbw5C-oQ6AEwAnoECAQQAg#v=onepage&q=falsafah%20estetika%20dan%20seni&f=false>
- [7] <https://says.com/my/seismik/babi-menghina-melayu-namewee-tampil-beri-penjelasan-mengenai-isu-poster-filem>
- [8] Profesor Madya Dr Ismail Sualman. (2016, November). Aksi negatif filem antara punca kes buli. Berita Harian; Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/11/208508/aksi-negatif-filem-antara-punca-kes-buli>
- [9] IZWAN ROZLIN. (2020, November 19). Pemuda PN lapor polis kontroversi filem “Babi.” Sinarharian; sinarharian. <https://www.sinarharian.com.my/article/110930/BERITA/Politik/Pemuda-PN-lapor-polis-kontroversi-filem-Babi>
- [10] Latifah Arifin. (2019, August 8). Tonjolkan kebaikan agama dalam filem, drama. Berita Harian; Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/08/594184/tonjolkan-kebaikan-agama-dalam-filem-drama>
- [11] Syamsul Yusof. (Pengarah). (2011). KL Gangster [Filem]. Skop Production.
- [12] Faisal Ishak. (Pengarah). (2013). Juvana [Filem]. Filmscape Production.
- [13] Sam Taylor-Johnson (Pengarah). (2015). Fifty Shades of Grey [Filem]. Universal Pictures, Focus Features.
- [14] James Wan. (Pengarah). (2004). Saw [Filem]. Twisted Pictures.
- [15] Syamsul Yusof. (Pengarah). (2018). Munafik 2 [Filem]. Skop Production, President Production.
- [16] James DeMonaco. (Pengarah). (2013). The Purge [Filem]. Blumhouse Productions, Why Not Production, Platinum Dunes, Dentsu, Overlord Production.
- [17] Zack Snyder. (Pengarah). (2007). 300 [Filem]. Legendary Pictures, Virtual Studios, Atmosphere Entertainment, MM, Hollywood Gang Productions.
- [18] Justin Lin. (Pengarah). (2011). Fast Five [Filem]. Original Film, One Race Films.
- [19] Syamsul Yusof. (Pengarah). (2009). Bohsia: Jangan Pilih Jalan Hitam [Filem]. Skop Production.
- [20] Farid Kamil. (Pengarah). (2010). V3: Samseng Jalanan [Filem]. MIG Production.
- [21] Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi, Muhammad Faisal Asha'ari, *Kesan filem seram terhadap pegangan agama: Suatu tinjauan literatur*, Al-Hikmah 9 (1) 2017: 33-48. <http://journalarticle.ukm.my/11189/1/187-1006-2-PB.pdf>
- [22] Lambakan filem ganas antara faktor peningkatan gejala buli (2017, Jun 22), Utusan Borneo Online. <https://www.utusanborneo.com.my/2017/06/22/lambakan-filem-ganas-antara-faktor-peningkatan-gejala-buli>
- [23] Kubrak Tina, *Impact of Films: Changes in Young People's Attitudes after Watching a Movie*, April 2020, Laboratory of Speech Psychology and Psycholinguistics, Institute of Psychology, Russian Academy of Sciences, 13, Yaroslavskaia, 129366 Moscow, Russia. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC7288198/>
- [24] <https://sites.google.com/site/myjournalkunoorasyikin/pengaruh-filem-punca-gejala-sosial>